

# DARI SEBULAN KE SEBULAN

Tunku Abdul Rahman sedikit masa yang lalu telah membentuk cadangannya untuk membawa orang-orang Islam China dari Hong Kong ke Semenanjung ini seramai tidak lebih daripada seratus orang. Sebab yang diberi adalah mengenai pemindahan bangsa-bangsa yakni dengan terangnya bahawa mengapa Malaya hanya menerima pemindahan orang-orang China Islam sedang orang-orang China Kristian khususnya tidak diterima atau tidak dirancangan. Hal ini terang yang menjadi sebab atau latar belakang kepada tujuan dan cita-cita Tunku itu. Adakah Tunku akan putus asa dengan kerana itu? Melihat daripada ucapan-ucapannya sudah terang bahawa Tunku akan terus berjalan mengikut jalan lain. Ini patut disokong kuat oleh tiap-tiap umat Islam kerana langkah Tunku di dalam perkara ini besar artinya untuk perkembangan Islam di Tanah Melayu pada masa yang akan datang. Kerana itu kita berharap supaya usaha ini dijalankan terus dan dipandang sebagai suatu jihad meluaskan atau mengembangkan Islam di Semenanjung Tanah Melayu sambil-sambil usaha itu menjadi tenaga menjauhkan pertentangan perkauman yang sentiasa berbahaya itu!

\* \* \*

Langkah membawa masuk orang-orang Islam itu bukannya suatu hal yang tidak diketahui adalah ditakuti oleh pengembang-pengembang Kristian di sini yang banyak tanamannya subur kepada orang-orang China. Kalau orang-orang Islam daripada bangsa China di usaha dan diatur mengembangkan pengajaran agama kepada orang-orang Cina sendiri sudah tentu akan lebih

pesat jalannya daripada yang dijalankan oleh orang lain.

Kerana itu sebahagian orang memandang bahawa langkah menggalang Tunku membawa masuk mereka ke mari, kalau daripada orang Islam sendiri, maka yang demikian tentunya bertujuan tidak mahu Islam kembang dan orang-orang seperti ini jika di dalam siyasa bolehlah dipandang sebagai siyasa kebangsaan yang bertopengkan agama kerana agama dikebelakangkan – kebangsaan didahulukan!

\* \* \*

Ustaz Othman Abdullah Setiausaha PAS diberitakan dalam ucapannya di Merlimau baharu-baharu ini antara lain-lain ada berkata:

“Kalau Nabi Muhammad seorang diri dapat menegakkan agama Islam di merata-rata tempat, mengapa orang Islam yang berjumlah tiga juta orang di negeri ini tidak sanggup mengembangkan dan menjalankan hukum-hukum Islam untuk semua penduduk-penduduk negeri ini.”

Perkataan “kalau” ini sebenarnya sangat mudah tetapi Ustaz Othman Abdullah sendiri yang mengeluarkan pernyataan itu patut lebih dahulu menjawabnya. Kajilah Ustaz di sekeliling masyarakat kita. Tunjuklah Ustaz akhlak-akhlak yang baik, tutur kata yang baik, budi bahasa yang manis, kejujuran dan keikhlasan yang utama yang diajarkan oleh Muhammad itu pada diri Ustaz sendiri supaya orang suka mengikut kita. Kalau kita berkata Muhammad berbudi bahasa yang baik maka kita sendiri yang mengatakannya mulut kita kotor, hamun

sana hamun ke mari maka bagaimanakah umat Islam akan mengikut jejak kita. Ustaz kan tahu Ustaz sudah masuk gelanggang pimpinan maka kewajipan Ustaz memimpin umat dengan amal, tidak hanya dengan cakap, kepada jalan yang diajarkan oleh Muḥammad supaya mereka sanggup mengembangkan Islam di Semenanjung. Tidakkah moleknnya kalau ustaz tahu tidak sanggup supaya berusaha bersama-sama Tunku meminta bantuan saudara-saudara Islam dari negeri China ke mari untuk mengembangkan Islam? Mengapa hal ini tidak diusahakan? Inilah dia ustaz “kalau” dicakapkan tidak mahu diamalkan!

\* \* \*

Datuk Bandar, Tuan Ong Eng Guan setelah berlaku tangkapan-tangkapan ke atas penjaja-penjaja dan setelah mereka dikemukakan di mahkamah, menyatakan kepada merinyu-merinyu (inspektor-inspektor kesihatan dan pasar) bahawa dasar Jemaah Bandaran bukannya menangkap mereka dan menghukum penjaja-penjaja, tetapi adalah dasarnya mengajar dan memberi petunjuk-petunjuk yang memberi faedah kepada mereka dalam pencariannya.

Keterangan Datuk Bandar ini sedap benar bunyinya, ia lupa kedegilan penjaja-penjaja itu. Cuba silakan berjalan ke Geylang Road, di Syed Alwi Road dan lain-lain tempat lagi, mereka bukannya sahaja telah bersalah menutup jalan lalu lintas tetapi juga telah mendedahkan orang-orang kepada merbahaya dilanggar oleh kenderaan-kenderaan. Mereka tidak memikirkan masalah orang lain tetapi mereka fikirkan masalah mereka sahaja – dan yang lebih hebat lagi kalau ditegur-tegur kalau bukan polis yang menegur mereka bersedia memberi buku limanya.

Walau bagaimanapun kami masih menaruh baik syak kepada Menteri Pelajaran kita, mudah-mudahan apa

sememangnya baik tetapi kalau kerana menyempurnakan dasar itu mereka dibiarkan berleluasa melanggar undang-undang maka tidak guna diadakan undang-undang. Biar sahaja. Orang merompak dan menyamun “kerana mencari nafkah” dan datangi mereka lalu beri petunjuk – tentunya “bagus” tetapi orang ramai yang menderita. Adakah hal ini tidak sama keadaannya?

\* \* \*

En. Khir Johari Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu dikatakan ada berkata bahawa dengan minum itu dapat membuat perhubungan-perhubungan yang lebih mesra. Dengan bersama-sama minum *wiski*, *vodka* dan sebagainya dapat sama-sama berunding dan mengikat pertalian. Ringkasnya bahawa cara sambil minum dengan kaedah orang-orang barat dapat merapatkan muhibah. Orang-orang berpendapat harus En. Khir dalam masa

Kitab Sejarah untuk Sekolah-Sekolah sudah siap

**Muhammad**

*ṣallā Allah ‘alayhi wa sallam*

Sejarah Ringkas

Disusun oleh ‘Idrus. Sejarah

ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskah \$1.20

Pos 10 sen.

bercakap itu terlupa bahawa agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu ialah Islam sedang Islam mengharamkan minuman keras. Mudah-mudahan taraf negara dipertahankan oleh Menteri-menterinya supaya jangan dikatakan orang indah khabar dari rupa!

\* \* \*

Kerajaan Indonesia, menerusi perwakilannya, sedikit masa dahulu, menuduh seolah-olah kerajaan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu adalah membiarkan orang-orang pemberontak tinggal di Malaya. Menuduh sememangnya mudah tetapi kalau disiasat tentunya mengetahui bahawa orang-orang yang keluar masuk di Singapura ini hendaklah ada mempunyai pasport. Orang-orang itu tentunya datang dengan pasport yang halal yang dikeluarkan oleh kerajaan Indonesia (kakitangannya) sendiri. Kerana kecuaiannya mengapa maka menyalahkan orang lain dengan cara ugutan-ugutan pula? Sungguh terlalu Bung! Awak sama awak bergaduh orang lain hendak disalahkan!

\* \* \*

Beberapa orang wanita Indonesia dari PERWARI yang datang ke Malaya menghadiri Seminar Wanita-Wanita di Singapura telah memberi ceramah – di antaranya mengatakan bahawa mereka berikhtiar menghidupkan kebudayaan sendiri - menghapuskan *rock and roll* dan sebagainya yang boleh dipandang membawa kerosakan adat istiadat mereka. Ceramahnya didengar oleh orang-orang dengan baik dan disambut oleh akhbar tempatan sebagai bunga yang patut ditiru. Kebetulanannya, kerana ceramah diberi kepada orang-orang yang tidak tahu keadaan di Indonesia semestinya “ingat terus” tetapi bagi orang yang tahu tentunya lain. Kalau orang tanyakan lebih luas, tentang pengaruh gaun dan sebagainya,

yang banyak lagi tentunya sukar bagi wanita-wanita menjawabnya.

\* \* \*

Orang-orang Indonesia, ribut perkara wang mereka dicap di Singapura – dan harus pula menyalahkan kerajaan Singapura dalam hal ini. Siapa yang mencetak dan kerana apa dicetak soalnya tentu perkara kerajaan sahaja. Harus mereka cap di sana dibawa ke mari mahu “cari *dollar*” dengan mudah sebab banyak pemimpin-pemimpin (pegawai-pegawai) mereka yang mahu lekas kaya. Betulkan sesama sendiri kan lebih baik, Bung, daripada gambar gembur di luar?

\* \* \*

Tuan Mufti Terengganu, menurut berita akhbar, ditegur oleh lebai-lebai di Terengganu atas fatwa mengenai makan di rumah orang-orang kematian, wang sembahyang jenazah dan membuat seratus hari dan seumpamanya. Mereka memandang fatwa Mufti itu salah kerana yang demikian berlaku untuk “menyampaikan hajat” orang sahaja – tidak diminta! Betul, tuan Mufti salah tetapi kesalahannya bukan dalam perkara mengenai hukum agama Islam tetapi di dalam perkara mengenai luputnya peluang masing-masing – maktumlah kalau tidak ada kenduri tahlil Tok Lebai itu tentunya tidak ada harapan akan dikemukakan duduk di tengah-tengah tikar yang terhampar, sedang kain-kain tempat duduk talqin serta “apa-apanya” tentunya tidak dapat. Kepada orang-orang yang seperti ini janganlah tuan Mufti itu undur tetapi hendaklah maju terus dan bergerak terus semoga dengannya jadilah negeri<sup>1</sup> Terengganu sebagai pelopor penghapusan bid’ah di Semenanjung ini.

\* \* \*

<sup>1</sup> Dalam Qalam dieja sebagai ‘negara’